

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. jumlah syarikat-syarikat korporat dan syarikat-syarikat persendirian yang masih lagi mempunyai tunggakan cukai terhadap Kerajaan; dan

- b. jumlah tunggakan cukai-cukai tersebut.

JAWAPAN

Jumlah pembayar cukai di kalangan syarikat berhad, syarikat sendirian berhad dan perniagaan tunggal (sole proprietor) yang mempunyai tunggakan cukai terhadap Kerajaan sehingga 31 Disember 2013 adalah

sebanyak 60,130 pembayar cukai. Cukai yang tertunggak adalah terdiri daripada cukai langsung yang perlu dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan cukai tidak langsung yang perlu dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pecahan jumlah pembayar cukai tersebut adalah seperti berikut:

	JKDM (Cukai Tidak Langsung)	LHDNM (Cukai Langsung)	Jumlah
Jumlah: Pembayar Cukai Tertunggak	2,951	57,212	60,163
Jumlah: Cukai Tertunggak	RM1.679 bilion	RM4.766 bilion	RM6.445 bilion